

## ANALISIS FORMALISTIK DALAM MEMAKNAI SIMBOL BUDAYA MELAYU ABSTRAK

LIZA MARZIANA MOHAMMAD NOH \*

HAMDZUN HARON \*\*

JASNI DOLAH\*\*\*

### Abstrak

Untuk menghayati sesebuah karya seni pokok persoalan yang hendak dikaji bukanlah keindahan semata-mata tetapi unsur yang menyebabkan sesuatu simbol itu terjelma. Subjek, bentuk dan makna adalah tiga aspek dalam simbol yang menjadi asas kepada penghayatan sesebuah seni. Ketiga-tiganya saling berhubungan dan tidak boleh di pisahkan kerana daripadanya kesatuan karya terbentuk seterusnya menjelaskan gagasan seniman. Demikian dalam memaknai karya, unsur seni adalah penting untuk dikaji sebagai data fizikal yang bertindak dalam menghubungkan konteks sesuatu karya itu. Kertas kerja ini menerangkan penggunaan unsur-unsur formalistik untuk menganalisa data bagi memaknai simbol budaya Melayu dalam karya seni catan moden Malaysia. Dengan menjadikan Balai Seni Visual Negara sebagai lokasi kajian, kertas kerja ini merujuk buku himpunan warisan tampak negara 1958-2003 terbitan Balai Seni Visual Negara. Sebanyak empat karya di tahun 1970an sehingga 2000 dipilih bagi menyiasat bentuk dan maknanya. Sebagai kesimpulan, kertas kerja ini diharapkan dapat mendedahkan kepada masyarakat umum dan peminat seni khususnya mengenai analisis formalistik sebagai satu cara menganalisa karya seni..

**Kata Kunci:** Formalistik, simbol, budaya Melayu, seni catan

---

\* Pensyarah di Universiti Teknologi Mara (UiTM)

\*\* Pensyarah Kanan di Pusat Pengajaran Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

\*\*\* Pensyarah Kanan di Pusat Pengajaran Seni, Universiti Sains Malaysia (USM)

## **Abstract**

*In appreciate of a work of art the fundamental question to be examined is not the sheer beauty but an element that causes a transformed symbol. Subject, form and meaning in symbols are three aspects that are fundamental to the appreciation of art. All three are interconnected and cannot be separated to form the whole aert work and subsequently to define the notion of artistism. Thus in defining an art work, art is an important element to be studied as the physical data in relating the context of the piece of artwork. This paper describes the use of formalistic elements to analyze data to interpret the symbol of Malay culture in Malaysian modern art paintings. By making the National Visual Arts Gallery as the location for research, this paper refers to the compilation books of national heritage published in 1958-2003 by National Visual Arts Gallery. A total of four works from 1970s up to 2000 are selected to investigate the forms and meanings. In conclusion, this paper is expected to disclose to the general public and art enthusiasts in particular on formalistic analysis as a means of analyzing works of art.*

**Keywords:** Formalistic, symbols, Malay culture, painting arts

- 
- \* Pensyarah di Universiti Teknologi Mara (UiTM)
  - \*\* Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
  - \*\*\* Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Seni, Universiti Sains Malaysia (USM)



## 1.0 Pendahuluan

Seni adalah suatu kegiatan fenomena manusia. Manusia menghasilkan seni sebagai satu cara untuk memahami kehidupan atau berkomunikasi idea dengan manusia yang lain. Seni telah dijadikan oleh manusia sebagai alat komunikasi dengan cara menciptakan simbol-simbol seni visual yang didorongkan dari perasaan, pemerhatian dan pengalaman. Dalam hal ini, Lazzare & Schlesier (2008: 4) menyebut

*Art is primarily visual medium that is used to express ideas about our human experience and the world around us.*

Menurut Tjetjep Rohendi Rohidi (2000) manusia berfikir, berperasaan dan bersikap dalam ungkapan-ungkapan simbolis. Setiap simbol yang diungkap itu mempunyai fungsi tersendiri yang berasaskan dari kehidupan manusia yang hidup dalam konteks budaya. Manusia adalah makhluk biokultural yang merupakan produk interaksi antara faktor-faktor biologis dan budaya. Bermakna sebagai makhluk kultural tidak dapat terlepas dari kewujudan biologinya. Budaya itu sendiri hidup terpelihara dalam populasi biologis dan dalam lingkungan biofisik. Ia berkiprah dan mencipta budaya dengan biologinya. Cara manusia berpakaian, mengolah makanan, membuat rumah dan berkomunikasi dengan bahasa, bahkan seluruh lingkungannya adalah hasil pengolahan manusia. Maka sebab itulah dikatakan manusia itu tidak dapat hidup tanpa budaya (T. Jacob 1982).

Oleh demikian, setiap simbol yang diungkap itu mengandungi kepercayaan-kepercayaan yang kebiasaannya merupakan inti dari agama, simbol-simbol kognitif yang membentuk ilmu pengetahuan, simbol-simbol penilaian moral yang membentuk nilai-nilai dan aturan-aturan, serta simbol pengungkapan perasaan atau simbol-simbol ekspresif. (Bachtiar 1982).

Sehubungan dengan itu, seseorang seniman itu tidak dapat lari dari menghubungkan intisari seninya dengan hal yang bersangkut paut dengan kebudayaan. Sebagai makhluk biokultural seniman menyampaikan hasrat yang lahir dari jiwa manusia yang telah di alirkkan melalui pemikiran dan amalan manusia terhadap kehidupan mereka melalui karya seni. Oleh itu, Winckelmann (1717-1768) dalam melakukan inovasi terhadap metodologi seni oleh Vasari menekankan agar penilaian terhadap sesuatu karya adalah penting untuk menhubungkannya dengan sejarah budaya dari sejarah pelukisnya. Beliau menjelaskan bahawa konteks budaya yang mana sesebuah karya itu dihasilkan adalah sebahagian dari penulisan sejarah seni (Ahmad Rashidi, 2006). Justeru itu, seniman seperti pelukis, pengarca, ahli seni cetak mahupun pereka selalu berusaha meningkatkan sensibiliti dan persepsi terhadap dinamika budaya masyarakatnya kerana persoalan itu hampir dan melingkari hidup mereka. Seniman sebagai makhluk yang diberi kecerdasan terhadap perkembangan imej ataupun menurut Earnts Cassire sebagai makhluk yang suka bermain dengan simbol menjelaskan sensibilitinya melalui bentuk-bentuk simbol atau gambar. Oleh yang demikian, bentuk simbol yang dicipta itu tidak dicipta dari kelowongan akal tetapi ia mengandungi nilai dan estetika yang mencerminkan gagasan dan cita-cita pencipta tentang sosio, budaya masyarakatnya (Ahmad Rashidi 2006). Setiap seni yang dihasilkan memberikan suatu nilai dan maksud



tertentu yang berupaya memberi manfaat dari sudut apresiasi atau kegunaannya. Nilai dan maksud pula mencetuskan simbolisme atau perlambangan yang memaparkan gaya kehidupan, kepercayaan dan aturan hidup serta memberi erti kepada orang yang menggunakannya.

Premis ini menunjukkan bahwa aspek simbolisme adalah penting dalam bidang kesenian selain aspek kegunaan atau fungsinya, sebagaimana kata M. Habib Mustopo di dalam tulisannya bertajuk "Ilmu "Budaya Dasar" dalam Kumpulan Esei Manusia dan Budaya (1983: 46),

*Salah satu kegunaan seni dalam masyarakat ialah membantu menyediakan dan membentuk latar belakang kehidupan. Seni ialah jawapan terhadap tuntutan dasar kemanusiaan. Tujuan utamanya ialah untuk menambahi interpretasi dan melengkapi kehidupan. Selain itu, seni juga dijadikan pembantu untuk tujuan lainnya seperti pengagungan pada agama, propaganda, simbolisme dan sebagainya.*


Hal demikian melambangkan kekreatifan dan kematangan berfikiran para seniman dalam membawa selera estetika yang mendalam melalui simbol yang memberi manfaat kepada penghayatnya dan bukannya membawa selera yang mendangkalkan kesenian. Bermakna seniman sebagai makhluk simbol berbeza karektornya dari jenis manusia yang lain kerana simbol menjadi bahasa pengantaraan dalam menyampaikan gagasannya tentang kehidupan. Mereka mencipta simbol-simbol yang setiapnya mempunyai fungsi tersendiri untuk menyampaikan mesej. Sepertimana menurut Tjetjep Rohendi Rohidi (2000) karya yang diciptakan manusia bukan tanpa tujuan. Dengan perkataan yang lain setiap benda alam yang disentuh dan dikerjakan oleh manusia diberinya bentuk baru yang mengandungi nilai tertentu, menunjukkan maksud dan gagasan penciptanya. Dia merupakan simbol-simbol kepada ruang lingkup kebudayaan. Ini terbukti sejak dari zaman purba lagi simbol-simbol seni telah dijelaskan bagi mengungkap gagasan seni yang pelbagai tujuan telah dihasilkan oleh manusia. Hari demi hari simbol kelihatannya semakin berubah pengolahannya disebabkan manusia itu mempunyai kehendak dan tujuan yang berbeza-beza.

## 2.0 Proses Penciptaan Simbol Dalam Seni

Simbol seni dalam kegiatan seni melalui proses tertentu dalam menjelmakannya. Menurut teori klasik oleh Plato yang masih kukuh digunakan sehingga ke hari ini seni adalah satu bentuk peniruan (Rahimah Bujang & Norazlin Hamidon, 2002). Peniruan itu bermaksud seniman menyalin semula objek yang memberi rangsangan kepada seniman. Menyalin itu bukanlah menyalin bulat-bulat tetapi bagaimana seniman itu mengolah objek tersebut kepada sebuah karya seni yang mempunyai nafsu/selera ataupun citra peribadi. (Darsono Sony Kartika, 2007) Seni sebagai ekspressi pula merujuk kepada seni yang dijelaskan melalui perluahan perasaan atau difahami sebagai seni yang mengetengahkan pengalaman emosi sebagai tema utamanya. Seperti mana menurut Susanne K. Langer semua karya seni menggambarkan bentuk-bentuk perasaan dunia.



Terdapat tiga komponen dalam proses penghasilan simbol. Komponen ini merupakan satu kesatuan yang tidak dapat dipisahkan yang terdiri dari subjek, bentuk dan makna. Berikut dibawah adalah gambarajah komponen yang membawa kepada kesatuan organik iaitu penjelmaan simbol.



Rajah 1: Komponen kesatuan organic

Sumber dari Orwick et.al (2009)

## 2.1 Subjek

Subjek (*subject*) bermaksud topik, fokus atau idea yang mewakili orang atau objek. Subjek merupakan rangsang cipta seniman dalam usahanya untuk menciptakan bentuk-bentuk yang menyenangkan. (Tjetjep Rohendi Rohidi dan Abdul Halim Hussain, 2015). Bentuk-bentuk yang menyenangkan itu bermaksud bentuk yang memenuhi keperluan batin manusia dan daripada itu dapat menangkap perasaan keindahan melalui penyajian bentuk seni yang harmoni dan mampu merasakan sensitivitinya. Oleh itu subjek merupakan inti atau pokok persoalan yang dihasilkan sebagai akibat adanya pengolahan objek melalui pengolahan bentuk seni yang menampilkan lambang kepada *subject matter* tersebut. Proses ini terjadi dari idea seniman yang di perolehi dari pengalaman peribadinya. Pengalaman peribadi itu adalah pokok persoalan yang membawa kepada bentuk idea seterusnya dituangkan dalam media dan dijelmakan secara fizikal. Terdapat banyak cara dalam mempersempahkan subjek, tetapi dalam kedaan tertentu ia terpulang kepada motivasi seniman untuk menentukannya. Subjek boleh dipersempahkan secara representasi (*objectives images*) dan *Non - Representasian (non objectives image)* dan kedua-duanya merupakan dua jenis subjek yang lazim dipersempahkan oleh seniman. Kebiasaannya pelukis melukis semula sesuatu subjek yang biasa dilihat. Tetapi dalam keadaan yang lain, pelukis menghasilkan subjek yang tidak jelas, bermakna seni yang diterjemahkan hanyalah untuk menyampaikan idea berbanding objek yang digambarkan semula. Oleh itu bagi mencapai sesuatu bentuk itu menurut kepada tatacara penghasilan karya seni memerlukan ketentuan dasar yang disebut asas melukis atau merekabentuk. Aspek seperti keseimbangan, keharmonian, kontras, diberi perhatian bagi mempertimbangkan agar kesatuan dapat dijelmakan supaya memberi satu kepuasan atau keindahan kepada penghayat. Dalam hal ini dipanggil sebagai teknik pengorganisasian dari aspek-aspek tersebut.

## 2.2 Bentuk

Bentuk (*form*) merupakan sebahagian dari komponen seni. Bentuk merujuk kepada susunatur keseluruhan karya seni. Bentuk merujuk imej luaran atau unsur-unsur formalistik yang terdiri dari garisan, rupa, warna dan tona yang kemudiannya diolah dengan menggunakan prinsip-prinsip seni yang membina kesatuan dalam karya seni. Malah elemen formal juga boleh membantu dalam mengilustrasikan makna dan kepentingannya. Unsur seni atau formalistik menjadi asas kepada penghasilan sebuah rekabentuk dalam karya seni. Unsur seni berperanan menjelmakan subjek matter yang bersifat fizikal.



### 2.3 Isi Atau Makna

Makna (content) adalah kenyataan, intelektual, ekspresi, atau mood yang dibina oleh seniman dan kemudiannya diinterpretasikan oleh pemerhati. Kekuatan makna yang seniman cipta tidak hanya menjelaskan ikonografi semata-mata atau biografi diri pelukis tetapi menurut Roger Fry (2005) melalui esei katalog pameran Post Impressionist terdapatnya hubungkait psycho-analisis dengan bentuk dan makna yang lahir dalam sebuah karya seni.

*These artists do not seek to give what can, after all, be but a pale reflex of actual appearances, but to arouse the conviction of a new and definite reality. They do not seek to imitate form, but to create form; not imitate life, but to find an equivalent for life...In fact, they aim not illusion but at reality.*

Demikian isi dalam ertikata sebenarnya adalah bentuk psikik dari seorang penghayat yang baik. Perbezaan bentuk dan isi hanya terletak pada diri penghayat. Bentuk dihayati secara inderawi tetapi isi dan makna dihayati dengan mata batin seorang penghayat secara kontemplasi. Sehingga dapat disimpulkan bahawa isi disamakan dengan *subject matter* seorang penghayat.

## 3.0 Formalistik Sebagai Analisa Data Simbol

Menurut Clive Bell dalam Pooke (2010) karya seni adalah merupakan produk seni yang dihasilkan oleh seniman. Karya seni berupaya mencetuskan tindakbalas pemerhati dan mampu menyediakan reaksi emosi dan estetika pemerhati. Pemerhati bertindakbalas kepada karya seni berdasarkan subjek (*idea*) bentuk (*materialized form*) dan makna (*content*) yang disampaikan. Ketiga-tiga merupakan kesatuan yang memaparkan rupa atau simbol seni.

Simbol adalah elemen terpenting selain gambar dan tanda bagi seseorang pelukis menjelmakannya. Rudolph Amheim (1969) dalam bukunya yang bertajuk Visual Thinking simbol boleh dirujuk sebagai gambar, imej tanda. Disebalik penjelmaan simbol itu tersirat sebuah pembicaraan estetika yang terkandung pada simbol yang dibentuk seterusnya membawa kepada pengungkapan bentuk yang simbolis Dewey (1980). menjelaskan sejarah awal filosofi berpendapat sesuatu pengungkapan bentuk itu diyakini mengandungi nilai intrinsik yang didalamnya. Penjelmaan ini adalah berdasarkan kemampuan, mencipta, mengolah seluruh imaginasi dan pengalaman emosi serta intelektual pelukis. Menurut gagasan Ernst Cassirer bentuk simbolis itu adalah karya estetis yang tidak semata-mata reproduksi dari realiti yang "selesai". Seni merupakan salah satu jalan ke arah pandangan objektif ke atas benda-benda dan kehidupan manusia.

Seni bukan peniruan yang realiti tapi penyingkapan realiti, dan mengajarkan manusia untuk menjadikan benda-benda itu berwujud rupa. Langer menjelaskan bahwa realiti yang diangkat ke dalam simbol seni hakikatnya bukan realiti objektif melainkan realiti subjektif, sehingga bentuk simbolis yang dihasilkannya memiliki ciri khas (Ida Ayu Dyah Maharani 2011).

Sehubungan dengan itu, bagi menyingkap realiti penjelmaan simbol dalam seni catan, analisa visual digunakan bagi memahami simbol atau gambar. Struktur formal atau formal analysis digunakan sebagai kaedah untuk mengkaji bentuk symbol. Sebagaimana menurut Orwick et al (1994: 30),

*The artists produce this overall condition using the elements of art structure, subject to the principles of organization. The artist's plan is usually a mix of intuition and intellect. Ideally, the plan will effectively communicate the artist's feeling, even though it may change as the work progress. The plan can be variously termed composition or design.*

Oleh itu, perkara yang pasti menjadi tarikan kepada pemerhati adalah unsur-unsur formalistik yang dikomposisikan lantaran itu menghubungkan dengan maknanya. Bell menyatakan apabila pemerhati bertindak balas dari komposisi tersebut maka ia adalah kunci kepada pengalaman visual.

*We respond to a work of art- either figurative (One that resembles our visual experience of the world) or abstract (one that does not)-because we consciously or unconsciously respond to its compositions or formal arrangement. (Pooke & Witham 210: 36)*

Pengamatan pemerhati adalah berbeza-beza. Cara mereka mengamati seni adalah bersandarkan kepada personaliti mereka, dibentuk melalui pendidikan dan tujuan serta minat seseorang pemerhati itu. Namun begitu, untuk menelaah seni visual keindahan bukanlah pokok utama untuk dikaji tetapi elemen-elemen yang menyebabkan keindahan pada seni visual itu dimanifestasikan. Tidak kira seni itu seni catan, seni cetakan mahupun seni arca ataupun rekaan, unsur-unsur yang menyebabkan simbol itu terjelma menjadi tumpuan utama.

Dalam proses menghayati karya seni, analisa dan penilaian adalah kriteria penting dalam memahami keseluruhan proses tersebut. Analisa terhadap karya seni banyak dilakukan percubaan dari sudut kaedah sejarah seni dan kritikan seni. Sebahagian besar pengkritik seni pada abad ke 20 cenderung dalam mempercayai bahawa pendekatan formalistik adalah lebih relevan bagi membincangkan sesuatu kesenian.

Clive Bell dan Roger Fry (2010) mempercayai bahawa penekanan terhadap ciri-ciri formal menjadikan karya seni itu lebih bermakna dan berkepentingan berbanding dengan subjek yang di paparkan. Menurut Bell, unsur-unsur garisan, rupa dan warna yang membentuk gambar dalam cara tertentu berupaya membangkitkan kepentingan sesuatu bentuk itu.



*To appreciate a work of art we need bring with us nothing from life, no knowledge of its ideas and affairs, no familiarity with its emotious....nothing but a sense of form and colour. (Pooke & Witham 210: 36)*

Bahkan Greenberg menegaskan bahawa nilai sesuatu seni adalah bersandarkan kepada kualiti-kualiti formal. Terdapat tiga pendekatan formalistik yang dibangunkan oleh Greenberg bagi membantu dalam memahami seni.

- a) Pendekatan formalistik menekankan kualiti visual karya seni sama ada susun atur elemen dan sapuan berus.
- b) Menjadikan pandangan sebenar atau pengalaman imej sebagai sesuatu yang penting dan sejarah seni adalah mengenai bagaimana untuk melihat.
- c) Formalis juga menekankan stailistik dan analisa secara analitikal dan tipikalnya, cenderung melihat sosial, aspek kebudayaan dan konteks politikal dengan meluas melalui seni yang dihasilkan.

Wolfflin melalui pendekatan formalistik membincangkan karya seni berdasarkan seni catan berdasarkan kondisi teori moden dengan mengaitkan bentuk dan stail. Menurut beliau bahagian formal dalam konteks seni catan kebiasaannya berupa elemen garisan, tona, rupa, jalinan dan warna. Aplikasi perspektif dari satu sudut pandangan dan ruang yang berilusi, permukaan dua dimensi yang memperlihatkan ruang juga akan kelihatan pada karya tersebut. Apabila kesemua ini di satukan akan membentuk kesan komposisi sebagai contoh keseimbangan, rentak dan harmoni. Hasil rangkuman semua itu, karya seni akan menerangkan gaya seni catan yang mempertimbangkan cara kualiti visual dan keupayaan teknik itu di adunkan menjadi sebuah gambaran yang menampilkan kualiti karektoristik atau mod sesuatu persembahan. (Pooke dan Newall, 2008)

Selanjutnya lebih khusus Feldmand (1967: 473) menjelaskan mengenai analisis bentuk dalam bukunya Art As Image and Idea sebagai berikut:

*In formal analysis, we endeavor to go "behind" the descriptive inventory to discover how the things we have named are constituted... but now we want to know how they have been organized as shape as areas of colour, as forms with particular contours, textures, and locations in space. Formal analysis is also a type of description, but it we are no longer engaged in naming things or describing the technical features of the work. We describe the qualities responsible for the existence of the things, the subject matter. Included in our descriptive inventory.*

Sehubungan dengan itu, dari penjelasan-penjelasan berikut, boleh disimpulkan bahawa formalistik adalah satu kaedah dalam menganalisa bentuk atau rupa penggambaran dalam seni visual. Ianya tidak menekankan tentang teknik dalam berkarya melainkan mendeskripsi kualiti keadaan bentuk termasuklah isi pokok atau tema. Dalam analisa bentuk ia bertujuan untuk mendeskripsikan semula dan memikirkan




bagaimana memberikan penjelasan sehingga kita ketahui bahwa apa yang ditemui itu merupakan suatu organisasi yang wujud dengan ketrampilan bentuk, warna, kontour, tekstur dan penempatannya dalam ruang atau bidang kanvas seumpamanya.

Dalam situasi teknik, pigmen warna yang diaplikasi pada latar kanvas, papan, dinding atau kertas adalah bertujuan untuk menghasilkan ilusi dan sensasi ruang, gerak, tekstur dan bentuk serta ketegangan-ketengangan yang dihasilkan oleh kombinasi dari unsur-unsur tersebut. Dari teknik tersebut, nilai-nilai intelektual, emosional, simbolis dan keagamaan serta nilai-nilai subjektif yang lain akan terungkap. Manakala dari jenis bahannya seperti cat minyak, cat air, pastel, pelukis dapat mengeksplorasi sifat-sifatnya untuk mendukung isi yang diekspresikan. Misalnya untuk melukiskan kelembutan dan kelemahan, pelukis dapat menggunakan cat air yang lembut dan transparan sifatnya ataupun sebaliknya.

Berikut gambarajah di bawah adalah struktur seni visual atau formal analisis sebagai dasar pembedahan simbol yang dijelmakan.

Rajah 2: Struktur seni visual (Sumber dari Orwick et.al ,2009)



Struktur seni visual itu terdiri asas seni lukis dan seni reka yang bertindak sebagai nahu bahasa seni visual bagi mengkaji bentuk-bentuk seni yang membawa kepada ikonik atau makna yang simbolik. Chang Hoong Woon (2008) menjelaskan asas seni lukis dan seni reka seperti satu formula yang perlu diaplikasikan semasa proses penghasilan reka bentuk seni visual. Teori ini amat berguna dalam menyelesaikan reka bentuk malah membantu seseorang itu menyelesaikan isu komunikasi dengan bahasa seni visual di samping tahu menilai, menghayati, serta menikmati hasil karya seni visual. Malah penjelasan Chang itu telahpun dinyatakan terlebih dahulu oleh Lawson (1994) bahawa isu komunikasi dalam seni boleh dicapai dengan menggunakan simbol dan imej (bergambar) dalam bentuk tema, atau mesej yang dilahirkan daripada asas seni lukis dan seni reka seperti garisan, warna, bentuk dan tekstur.

#### 4.1 Penjelmaan Simbol Budaya Melayu Dalam Seni Catan Moden Malaysia

Simbol budaya Melayu adalah salah satu simbol seni budaya yang dijelmakan oleh seniman tempatan ke atas seni catan. Seni catan adalah sebahagian dari seni visual yang menjadi medium komunikasi seniman dalam menyampaikan gagasannya melalui simbol seni. Seni catan berbentuk permukaan dua dimensi dan menjadi ruang bagi seniman meneroka simbol-simbol seninya melalui teknik dan bahantara warna. Simbol seni yang di jelmakan jika merujuk bukti-buktii catan yang dihasilkan manusia sejak dari zaman purba sehingga kepada zaman Renaissance di Itali adalah berimejkan dari bentuk representasi dan non-representasi.

Secara umumnya manusia berkomunikasi melalui media bentuk yang disebut tanda tetapi bukan sebarang tanda. Tanda lebih bersifat universal dan tidak terikat dengan kebudayaan (Tjetjep Rohendi Rohidi, 2000). Perbezaan antara tanda dan simbol iaitu bahwa tanda adalah yang menandai dan yang ditandai misalnya ada asap ada api, asap itu itulah menandakan adanya api. Sedangkan simbol adalah tanda khusus yang bersifat arbiterer yang membawa erti tidak sama dengan yang ditandai. Simbol hanya boleh dimengerti sebagai *cultural specific* iaitu konteks yang ditafsirkan oleh kebudayaan itu sendiri (Keraf, 1980)

Budaya pula terdapat banyak definisinya. Kenyataan ini sebenarnya merujuk kepada penulisan Kroeber dan Kluckhohn (1952) bertajuk *Culture: A Critical Culture Review Of Concept And Definition* yang menyenaraikan lebih daripada 160 definisi budaya. Definisi ini seterusnya diubahsuaikan mengikut pandangan yang berbeza dari bidang tertentu seperti antropologi, sosiologi dan etnologi. (Anwar Din, 2007) Namun begitu dari keseluruhannya boleh disimpulkan bahawa budaya itu didefinisikan sebagai kepercayaan, adat dan kesenian sesuatu masyarakat, kumpulan, tempat atau masa. Seperti mana dijelaskan oleh Burnett Tylor (1871) bahawa *culture is that complex whole which includes knowledge, belief, art, law, morals, custom, and any other capabilities and habits acquired by man as a member of society*. Norma budaya itu adalah suatu yang dihormati oleh setiap ahli masyarakat, daripada keluarga ataupun dari unsur-unsur luar (Rasid Ismail, 2014).



Manakala Melayu pula membawa pengertian yang meluas. Dengan mengambil definisi sosial dan budaya, istilah Melayu itu merujuk kepada masyarakat yang tinggal di Semenanjung Malaysia dan di wilayah-wilayah Nusantara yang luas termasuklah Semenanjung Malaysia dan beribu pulau yang pada hari ini membentuk Republik Indonesia dan Filipina. Walaupun Melayu itu terbahagi kepada beberapa kumpulan dan mempunyai bahasa, dialek dan budaya yang pelbagai namun mereka adalah dari rumpun yang sama iaitu dikenali sebagai Melayu atau Malayo-Indonesia (Syed Husin Ali, 2008). Konsep Melayu dalam konteks di Malaysia menurut Anwar Din (2007) kewujudannya bukanlah dari keturunan yang tunggal. Sebahagiannya terdiri dari anak watan di Semenanjung Malaysia, sebahagian lagi berasal dari keturunan Indonesia manakala komuniti lain seperti orang Arab, India, Siam, Cina dan Eropah beragama Islam yang menjadi Melayu. Bermakna orang Melayu itu terbentuk dari gabungan pelbagai kumpulan etnik. Asas penyatuan Melayu ialah agama Islam dan bahasa Melayu. Oleh itu, realiti kewujudan Melayu pada hari ini adalah selari dengan definisi Melayu yang diberikan dalam perundangan yang mendefinisikan orang Melayu itu berdasarkan Perlembagaan Persekutuan Malaysia (Perkara 160 (2) iaitu Melayu erti seseorang yang menganut agama Islam, lazim bercakap bahasa Melayu dan menurut adat istiadat Melayu. Sehubungan dengan itu, kepelbagaiannya etnik yang berbeza-beza itu menerbitkan kebudayaan yang berbagai-bagai dalam masyarakat Melayu. Budaya dalam masyarakat Melayu meliputi segala aktiviti dan amalan yang dilakukan pada setiap hari seperti merangkumi kesenian untuk memenuhi masa atau sumber pendapatan. (Rasid Ismail, 2014)

Oleh yang demikian, dalam penjelmaan simbol budaya Melayu ke atas seni catan adalah mengkhususkan kepada kebudayaan Melayu itu sendiri. Menurut Darsono Sony Kartika (2007) setiap karya seni selalu mencerminkan kecondongan dalam satu kategori kultural oleh seniman yang menciptakan karyanya. Memang tidak dinafikan seni itu memiliki akarnya di dalam kehidupan sosial, dan tidak ada karya seni baik lukisan maupun muzik atau sastera boleh difahami terpisah dari peribadi genius yang menciptakannya, semangat bangsa yang aktif menembus dirinya.

Bertitik tolak dari itu, menurut Deutch (1975) seniman sebagai sumber informasi membentuk satu persepsi kecondongan budaya yang membawa kepada pembentukan watak dan warna subjek atau objek sebagaimana ia membentuk dasar harapan dan keperluan estetiknya(Darsono Sony Kartika 2007). Lantaran itu, simbol budaya Melayu yang dijelmakan adalah satu pembentukan persepsi kecondongan budaya oleh senimannya yang mempunyai semangat bangsa yang kuat pada dirinya. Kecenderungan dan pemahaman serta perhatian terhadap budayanya membawa simbol-simbol budaya yang dibentuk mengikut aturan estetik seniman melalui cerminan budaya masyarakat Melayu seperti adat istiadatnya, pantang larangnya, agama atau kepercayaan serta adab dan etikanya.

Simbol budaya Melayu ke atas seni catan telah mula mendapat perhatian seniman tempatan sejak negara Malaysia mencapai kemerdekaan dengan menyaksikan beberapa pelukis batik, dari kumpulan Wednesday Art Group dan Angkatan Semenanjung Malaysia (APS) mengetengahkan subjek kesenian dan kemasyarakatan sebagai sebahagian dari budaya Melayu (Mulyadi Mahamood, 2001). Karya-karya



mereka mencerminkan ikatan seni dengan masyarakat yang menggambarkan percubaan mereka dalam menghalusi budaya masyarakat yang menjadi sebahagian dari praktis hidup mereka. Sebahagian besar bentuk simbolnya di jelaskan dalam bentuk yang objektif yang dikenali representasi. Kecenderungan terhadap budaya ke atas seni catan mengingatkan kepada kenyataan Dolores D Wharton yang telah dapat merasai terhadap perjuangan mengekalkan warisan dan identiti seni negara ketika beliau berada di Malaysia sekitar 1958-1964. Kenyataan beliau berbunyi:

*While one can still not say that there is a Malayan “school of painting, the search for some form of identity began during this period.” (D’zulhaimi, 2006: 205)*

Perjuangan itu juga turut dikesan oleh Howard Taubmann dari New York Times melalui pameran First Triennial of Contemporary World Art di New Delhi pada tahun 1968. Beliau berpendapat tema-tema tradisional dalam konteks moden melalui karya seni Malaysia memperlihatkan usaha-usaha yang begitu berani dilakukan oleh senimannya.

Pada tahun 1970-an sehingga 1990-an sejurus selepas penganjuran Kongres Kebudayaan Kebangsaan menyaksikan simbol budaya Melayu dijelaskan dengan aktif oleh seniman tempatan. Penjelmaan secara aktif itu timbul disebabkan kesedaran terhadap pentingnya jati diri dalam berkarya. Peristiwa hitam yang berlaku pada tahun 1969, telah membuka mata semua pihak akan betapa rapuhnya jati diri rakyat Malaysia. Dengan demikian resolusi yang dicapai melalui Kongres dalam mencari formula pembentukan kebudayaan kebangsaan bagi menyatukan rakyat telah menetapkan tiga konsep penting sebagai asas kebudayaan kebangsaan:

- a) Kebudayaan Kebangsaan Malaysia haruslah berasaskan kebudayaan yang asli rakyat rantau ini.
- b) Unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur kebudayaan kebangsaan
- c) Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan itu.

Ekoran dari itu, telah memberi impak kepada bidang kesenian khususnya pada seniman tempatan dalam pencarian identiti dalam seni.



## 5.0 Analisa Formalistik Dalam Memaknai Data Simbol Budaya Melayu


Di bahagian analisa ini kaedah formalistik digunakan untuk mengkaji bentuk dan makna simbol budaya Melayu. Oleh itu pemerhatian digunakan untuk mengesan bentuk-bentuk simbol tersebut. Elemen-elemen seperti bentuk, warna garisan, jalinan, tona beserta prinsip seni keseimbangan, harmoni, kesatuan, pengulangan dianalisa.

Kelebihan kaedah formalistik ini seperti mana diperjelaskan Carrol (1999: 129) mampu menemui makna yang tersembunyi dalam karya seni.

*Persoalan-persoalan penting akan terjawab melalui proses sistematik. As you go through the step of description and analysis, you will collect facts and clues. When you get to interpretation, you will make guesses about what message you think the artwork is communicating. Finally during judgement, you will make your own decisions about the artistic.*

Sebanyak empat karya seni catan pelukis tempatan dalam dekad 70, 80-an dan 90-an serta 2000 telah dipilih untuk di analisa. Antaranya,





Rajah 3: Penelitian Karya 1


Tajuk: Fruit Season, Tahun: 1978, Media: Batik Ukuran: 91.6 x 60.9 sm

Oleh Chuah Thean Teng

“Fruit season” atau musim buah-buahan oleh Chuah Thean Teng (1978) merupakan karya yang mengangkat tema aktiviti. Pelukis menggunakan bahan batik sebagai bahan utama selain menggunakan subjek figura wanita dan kanak, pakaian dan buah-buahan. Saiz karya ini berukuran 91.6x60.9sm. Dalam karya Fruit Season, buah durian dan aktiviti mengutip buah menjadi simbol kepada citra Melayu. Ianya memperjelaskan lagi karya bercitra Melayu dengan memanifestasikan nilai tradisional terutamanya pemakaian berkemban pada figura wanita termasuklah figura binatanng. Pelukis begitu selektif dalam mencitrakan budaya Melayu dalam karyanya berdasarkan imej-imej yang dipilih. Dari kesatuan imeh-imej tersebut pelukis memfokuskan buah durian dan aktiviti mengutip buah durian dengan berlatarbelakangkan suasana tradisional.

Bagi menghubungkan dengan persoalan makna, Chuah Thean Teng memaparkan aktiviti orang Melayu pada musim buah-buahan yang di nantikan. Musim buah-buahan menandakan segala buah-buahan tempatan yang ditanam telahpun berbuah. Buah-buahan itu boleh di bahagikan dua kumpulan yang besar seperti buah-buahan bermusim dan tak bermusim. Masyarakat Melayu gemar pulang kekampung pada musim buah-buahan bagi menikmati rasa buah tempatannya. Penanaman buah-buahan lazimnya di tanam di kampung-kampung di kawasan yang luas.

Bagi orang Melayu, tanah yang luas itu di manfaatkan oleh orang Melayu untuk tanaman buah-buahan khusus untuk di makan, dinikmati oleh anak dan cucu mereka ataupun untuk di jual. Buah durian di tempatkan sebagai buah yang paling terkenal di negara Malaysia, dari itu ia dikenali Raja segala buah. Dalam masyarakat Melayu radisional, buah durian ditanam di tanah-tanah kepunyaan mereka. Menurut Wallace yang pernah menulis buku *The Malay Archipelago* (1845-1846) menerangkan di Gugusan Melayu buah durian banyak di minati oleh penduduk tempatan dan orang-orang Eropah. Walaupun sifat durian berbau tapi kesedapannya mengatasi dari buah-buah tempatatan yang lain. Buah durian adalah buah-buahan bermusim dan boleh didapati sekali atau dua kali setahun.



Rajah 4: Penelitian Karya 2

Tajuk: Potret Diri, Tahun: 1983, Media: Cat Minyak Ukuran: 120 x 120 sm

Oleh Amron Omar

"Potret Diri" oleh Amron Omar merupakan karya yang mengangkat tema kesenian. Saiz karya ini berukuran 143 x 156 sm. Amron Omar menjadikan seni sebagai peniruan sebagai teori seninya dan subjek figuratif sebagai imejnya. Kepakaran Amron dalam penggunaan cat minyak dan ketelitian persepsi yang tinggi serta kebolehan atau bakat semulajadi dalam melukis figura telah berjaya menjadikannya sangat berjaya. Hal tersebut di akui oleh Redza Piyadasa (2002: 116), *his realistic, represented rendering of his chosen themes have been enhanced by his accomplished handling of human anatomy*. Amron menggunakan tona warna yang dari terang ke gelap termasuklah bayang bagi menjelmakan gagasan realismenya. Bentuk dua figuranya digayakan dalam keadaan beraksi bertarung jelas digambarkan oleh Amron Omar dengan penuh ketelitian tanpa ada pengubahasuaian bentuk. Dari segi pakaian figura figura tersebut digambarkan satu bentuk gaya pemakaian untuk bertarung menggambarkan amalan dari sebuah masyarakat. Kedua-duanya tidak memakai baju dan hanya mengenakan seluar semata-mata. Subjeknya di komposisikan pada kedudukan bahagian tengah secara melintang yang diolah secara




aerial perspektif. Kelihatannya Amron hanya menekankan kepada aksi bertarung dua figuratifnya yang saling berhadapan bersiap sedia untuk bertaring. Ciri-ciri maskulin pada bahagian badan figuratifnya jelas digambarkan oleh Amron bagi melambangkan keperkasaan dan ketangkasan. Figura dibahagian bawah digambarkan sepenuhnya manakala figura di bahagian atas komposisi di bahagian kepala dan badannya tidak digambarkan sepenuhnya seperti sengaja di potong melalui bingkai catan. Keadaan sedemikian mengingatkan kepada pendekatan yang di lakukan oleh Degas melalui seni catanya yang mencadangkan idea ruang di luar parameter (Redza Piyadasa, 2002).

Saranan ini bertujuan untuk mengajak penghayat menghayati karya seni di luar kebiasaan melihat. Bahagian yang paling menarik dapat dinikmati melalui karya Amron ini ialah cara beliau merakamkan aspek bayang secara naturalnya. Jelas kelihatannya reaksi dari karya Amron ini mempamerkan bentuk aksi pertarungan yang mewakili ciri-ciri kebudayaan tertentu.

Oleh itu bagi menghubungkannya dengan makna, pertarungan yang cuba digambarkan oleh Amron Omar adalah dari konteks perspektif kebudayaan. Kemunculannya secara representasi merupakan gambaran dari dunia yang realiti yang berlaku disekitarnya. Karya seni Amron Omar merupakan representasi dari persoalan dan lingkungan budaya Melayu yang memaparkan keindahan seni mempertahankan diri yang diciptakan dikalangan masyarakatnya. Dalam hal ini Amron menghubungkan subjek dunia persilatan tradisional Melayu yang digunakan oleh pahlawan atau hulubalang dahulukala. Silat adalah seni pertarungan yang popular hingga masa kini di kalangan masyarakat Melayu sebagai satu bentuk riadah ataupun di persembahkan pada upacara perkahwinan.





**Rajah 5: Penelitian Karya 3**

**Tajuk: House of Flowers, House of Harmony, Tahun: 1999, Media: Campuran Ukuran : 183 x 276 sm**

**Oleh Mastura Abdul Rahman**

Karya “House of Flower, House of Harmony” tahun 1999 oleh Mastura Abdul Rahman mengangkat tema kesenian Dari sudut formalistik, karya ini diperbuat daripada tiga panel kayu yang berasingan kemudiannya dicantum menjadi satu bahagian permukaan dan berukuran 83 x 276 sm. Mastura memilih subjek hiasan dalaman rumah kediaman Melayu tradisional yang diinspirasikan dari rumah kediaman golongan Melayu Bangsawan. Bagi mengukuhkan lagi keindahan hiasan dalaman imej-imej seperti buaian bayi, permaidani, pasu bunga, sejadah, surah Yassin, congkak, labu sayung, bantal, kalender, tiang-tiang rumah termasuklah motif bunga-bungaan (floral dari motif tekstil Melayu/Nusantara) sebagai menggambarkan hiasan rumah kediaman Melayu. Mastura menemukan ornamentasi batik dengan konsep ruang rumah Melayu yang digambarkan dari pandangan atas.

Selain itu, Mastura juga menghubungkan karyanya dengan tradisi ornamentasi dalam seni Islam yang begitu halus lagi terperinci sebagaimana tercermin dalam seni bina masjid atapun catan miniatur. Menurut Mulyadi Mahamood (2002: 20) dalam konteks ini,



*Mastura menemukan aspek-aspek global seni Islam dengan gaya tempatan, didukungi oleh dasar-dasar formalistik berbentuk penggayaan, pengulangan dan tiada penekanan kepada keindividuan.*

Dalam menterjemahkan ideologi estetikanya, Mastura menggunakan pendekatan gaya seni barat dalam memperluaskan lagi pengertian aspek penggambaran. Mastura berjaya mengungkap satu bentuk pemahaman yang kritikal tentang konsep ruang kedalaman yang baru bagi membezakan konsep ruang yang konvensional yang bersifat tiga dimensi. Beliau mengilhamkan ruang dalaman seni bina rumah Melayu tradisional secara isometrik perspektif yang lazim ditemui dalam bidang arkitektur dengan menggunakan garisan berstruktur yang di lukis menyerong. Ruang pada senibina itu pula diisi dengan motif-motif tradisi Melayu dan ornamentasi Islam yang dicorakkan dengan padanan warna yang terang bertujuan tidak membenarkan wujudnya ilusi ruang tiga dimensi. Hasilnya, kesan kepada visual karya ini menampilkan konsep ruang yang bersifat rata dan cetek. (shallow & space) Redza Piyadasa (2002: 104) menjelaskan

*The spatial effect of the work has been heightened by the use of structural lines and foreshortened shapes that are derived from western perspective influences. Yet the visual effect of the work is a flattened, two dimensionality, induced by her concerns with the ornamentation of her surfaces.*


Dari segi olahan warna, kelihatannya Mastura menggunakan warna-warna terang lagi kontra. Berlakunya penganalisaan warna yang diaplikasikan oleh Mastura secara berhati-hati dalam memadankan warna keatas subjek-subjek yang beliau pilih. Karyanya menyerlahkan padanan *complimentary color* seperti warna panas dan sejuk atau warna yang neutral dalam keadaan intensity warna yang rendah. Justeru itu, kesan-kesan harmoni dan keceriaan terpancar melalui karya tersebut. Penekanan warna dalam karya Mastura memperkayakan gaya dekoratif yang beranika ragam warnanya. Faktor tersebut merangsang penglihatan mata sipermerhati untuk tidak terus berhenti dalam menghayati setiap corak-corak warna yang diciptakan oleh Mastura. Seperti mana menurut Lazarri and Schlesier (2008: 34),



*Warm and cool colors can effect an audience both physically and emotionally. Certain colors in the surroundings can actually influence your alertness, sense of well-being, and sense of inner space. Colors can be symbolic and, thus associated with ideas or events.*

Dari segi pemaknaan, karya Mastura boleh dihubungkan dengan konsep kewanitaan. Kehidupan yang berkaitan alam berumahtangga memberikan inspirasi kepada Mastura untuk meneroka alam kewanitaan yang dilaluinya. Beliau menggambarkan perasaan kasih sayang dan kecintaannya terhadap suami, anak-anak dan alam rumah tangganya yang dijelmakan secara simbolik dan tersirat. Perasaan tersebut berjaya diterjemahkan oleh Mastura melalui imej dan gubahan yang diaturkan dengan penuh ketertiban serta teliti sehingga dapat mencipta suasana subjek yang menceriakan, menawan serta harmoni. Ini bermakna sikap yang mementingkan kekemasan, keelokan, kecantikan dan keharmonian melambangkan sentuhan peribadi Mastura terhadap citarasanya. Maka, pemilihan imej hiasan dalaman rumah yang berunsurkan Melayu dan diindahkan dengan ornamentasi motif floral adalah bersesuaian dengan tema karyanya yang mengungkapkan minat dan jiwa Mastura terhadap alam persekitarannya.





Rajah 6: Penelitian Karya 4

Tajuk: Kampung Life, Tahun: 2001 Media: Campuran Ukuran: 84 x 84 sm  
oleh Yeong Siak Leng

Karya yang bertajuk ‘Kampung Life” dihasilkan oleh pelukis Yeong Siak Leng pada tahun 2001. Saiz pada karya ini berukuran 84 x 84 sm. Karya ini menggambarkan seorang bayi dalam buaian yang dibuat dari kain batik yang dihias indah berlatar belakangkan 5 orang kanak-kanak kampong berwajah Melayu meninjau bayi yang sedang dibuai itu. Kain langsir yang berwarna keemasan disalut dengan kain batik kemerahan serta kehalusan peniruan motif ukiran kayu pada kisi-kisi tingkap berjaya menggambarkan suasana ceria dan gembira.

Pelukis menjadikan bayi dan lima figura kanak-kanak itu dalam buaian sebagai fokus lukisannya. Unsur kontra antara latar hadapan dan latar belakang yang berwarna gelap menjadikan gubahannya lukisan ini dan menarik. Pelukis juga memasukkan unsur-unsur garisan diagonal seperti terbina dari buaian dan langsir menjadikan ilusi dinamik pada jelas dan dapat dirasai.

Kehebatan pelukis dalam menjadikan karya ini dinamik ialah pada pemaparan bentuk merangkumi rupa (shape), jalinan dan tona pada motif yang memenuhi sebahagian besar karya ini. Motif-motif pada ukiran kayu kekisi tingkap telah dimanfaatkan sepenuhnya oleh pelukis sebagai daya penarik utama karyanya sebagai menekankan kepada kesenian Melayu. Dibantu dengan keindahan gaya motif kain batik dan langsir tingkap itu. Dilihat kepada suasana ini, pelukis berjaya menggambarkan satu suasana keraian dari segi pemakaian warna dan hiasan. Lima figura kanak-kanak itu memberi

gambaran ia adalah sebuah majlis keramaian atau kenduri. Kehalusan motif-motif Melayu pada kain batik dan kisi-kisi tingkapnya jelas memaparkan sebuah kemeriahan sedang diraikan. Kehalusan motif-motif ini juga terbina dari pengaruh Kesenian Tradisional Melayu dan Kesenian Islam yang telah lama terpakai dalam budaya visual seni hiasan dan ragam hias orang Melayu.

Pelukis berjaya menggambarkan sebuah keraian atau kenduri kampung. Berdasarkan suasana gambaran ini, majlis yang sedang digambarkan oleh pelukis ini ialah majlis menyambut anak, satu adat meraikan kelahiran anak yang lazimnya diadakan beserta kenduri aqiqah anak itu. Aqiqah merupakan tuntutan agama. Ia adalah sebagai tanda kesyukuran keluarga atas limpah rahmat Allah dengan menganugerahkan anak. Ia juga telah disyariatkan oleh Rasulullah s.a.w. dengan mengorbankan dua ekor kibas di atas kesyukuran kelahiran cucu baginda.

Di Malaysia, amalan ini telah disimulasi sebagai amalan budaya Melayu. Majlis Aqiqah ini dibudayakan dengan kenduri untuk berjamu kambing yang diaqiqahkan itu dan bagi memenuhi majlis diadakanlah majlis seperti berzanji, berselawat dan berandoi. Majlis ini diadakan dengan suasana yang meriah. Karya ‘Kampung Life’ berjaya menggambarkan suasana ini sekali gus mengangkat karya ini sebagai bersimbolkan Melayu dalam kategori keagamaan.

## 6.0 Kesimpulannya

Formalistik merupakan pendekatan yang sesuai untuk membantu dalam memahami karya seni. Teori seni moden oleh ahli formalis telah menjadikan perasaan, pemerhatian dan pengalaman terhadap imej sebagai dorongan dan tiada alasan yang dapat diberikan kerana sejarah seni adalah berkenaan dengan melihat. Sehubungan dengan itu, keempat-empat karya yang di analisa jelas menghubungkan suatu gagasan dari perspektif kebudayaan masyarakat Melayu. Keempat-empat pelukis menggunakan gaya repersentasi sebagai simbol kepada menyampaikan makna budaya Melayu khususnya dari kesenian tradisi Melayu seperti seni mempertahankan diri, hiasan dalaman rumah Melayu tradisi dan aktiviti. Jelasnya kedua-dua pelukis ini berjaya mengadaptasikan konteks budaya Melayunya melalui elemen-elemen formalistik yang membentuk simbol-simbol seni yang bersesuaian dan lebih konkret. Kesimpulannya simbol budaya Melayu ke atas seni catan adalah cerminan warisan masyarakat Melayu. Dengan usaha yang dilakukan oleh beberapa orang pelukis yang dianalisa jelas mereka berjaya mengetengahkan bentuk dan makna budaya tradisi kepada suatu pengucapan moden yang sebelum itu hanya dijelmakan dalam kesenian tradisional. Oleh itu generasi baru harus mencontohi usaha ini dengan melakukan eksperimentasi bentuk dan makna budaya agar tidak di telan zaman. Dengan mendekati dan menghayati warisan budaya suatu identiti jati diri akan dapat dijelmakan. Dalam hal ini, memetik kata-kata Awang Had Salleh dalam buku Rupa dan Jiwa



*Sekiranya mahu di harapkan wujud penghayatan terhadap setengah-setengah unsur seni rupa Melayu itu ke dalam karya-karya seni moden dengan demikian haruslah mengambil pendekatan dengan mengenali dekat rupa Melayu itu. Jika seniman menghadkan dirinya dengan hanya melihat tanpa menghiraukan jiwanya maka seniman hanya melukis aspek permukaan rupa semata. (Syed Ahmad Jamal, 2010: xi)*

## Rujukan

- Abdul Rasid Ismail. 2014. *Alam Sebagai Motif Kraftangan Fabrik Melayu Tradisi*. Kuala Lumpur: Penerbit UiTM.
- Ahmad Rashidi Hasan. 2006. *Seni Lukis dan Idea*. Shah Alam: Universiti Teknologi MARA.
- Anwar Din. 2008. *Asas kebudayaan dan Kesenian Melayu*. Bangi :Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Amheim, R. 1969. *Visual Thinking*. Berkeley & Los- An-geles: University of California Press.
- Bachtiar, H. W. 1982. *Birokrasi dan Kebudayaan. Analisis Kebudayaan*. Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Balai Seni Lukis Negara. 2002. *Masterpieces from the National Art Gallery of Malaysia*. Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.
- Chang Hon Woon. 2008. *Teori Seni Visual*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Carrol, N. 1999. *Philosophy of Art:A Contemporary Introduction*.London:Routledge. D'Avella, A. 2012. *Methods & Theories of Art History*. Second Edition. United Kingdom. Laurence King.
- Ida Ayu Dyah Maharani. 2011. *Rangkuman Estetika. Makna, Simbol dan Daya*. Fakultas Seni Rupa dan Desain. Institut Seni Indonesia : Denpasar
- Jacob, T. 1982. *Manusia Indonesia sebagai Episoda dalam Koevolusi Biokultural. Analisis Kebudayaan*. Jakarta Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Darsono Sony Kartika, D. S. (2007). *Kritik Seni*. Bandung: Rekayasa Sains.
- Kanansky, D. (1988). *Contemporary Painting of Malaysia*. Kuala Lumpur :Balai Seni Lukis Negara.
- Keraf, G. Dr.1980. *Komposisi*. Jakarta: Nusa Indah.
- Lazzare, M & Schlesier, D. (2008). *Exploring Art: A Global, Thematic Approach*. 3rd. Edition. USA: Thomas Learning, Inc.



- Lawson, B. 1994. *How Designers Think*. London: Butterworth Architecture
- Milner, A. 2011. *The Malays*. Malaysia: Wiley Blackwell.
- Mohammed Ali Abdul Rahman. 2000. *Modern Malaysian Art : Manifestation of Malay Form and Content*. Shah Alam : Universiti Teknologi Mara
- Mulyadi Mahamood. 2001. *Era Pencarian Identiti Dalam Seni Moden Malaysia. Dalam Seni Lukis Moden Malaysia*. Kuala Lumpur : Utusan Publication Distributors Sdn. Bhd.
- Muhammad Afandi Yahya. 1995. *Simbolisme Dalam Seni bina Rumah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustopo, M. Habib. 1983. *Ilmu Budaya Dasar, Manusia dan Budaya: Kumpulan Essay*. Surabaya: Usaha Nasional
- Pooke & Witham. 2010. *Understand Art History*. United Kingdom: Hodder Headline.
- Pooke & Newall. 2008. *Art History. The Basic*. London: Routledge.
- Rahmah Bujang & Nor Azlin Hamidon. 2002. *Kesenian Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Tjetjep Rohendi Rohidi . 2000. *Kesenian dalam Pendekatan Kebudayaan*. Bandung : Accent Graphic Communication.
- Tjetjep Rohendi Rohidi & Abdul Halim Hussain. 2015.
- Syed Ahmad Jamal. 2010. *Rupa dan Jiwa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Syed Husin Ali. 2008. *The Malays. Their Problems and Future*. Kuala Lumpur: The Other Press.
- Taylor, E.B. 1994. *Primitive Culture*. London: Routledge/Thoemmes.
- D'zulhaimi Md Zain.2006 *Persidangan Seni Budaya dan Warisan. Pendidikan Seni Budaya dan Warisan di Abad 21 : Teori dan Praktis*. Kuala Lumpur : Aswara

